

HUBUNG KAIT KESANGGUPAN UNTUK MEMBAYAR (WTP) DAN RUANG KELIARAN PELANCONG DI KOTA BELUD, SABAH

RELATIONSHIP BETWEEN WILLINGNESS TO PAY (WTP) AND TOURISTS' CIRCUITS IN KOTA BELUD, SABAH

Jabil Mapjabil¹
Kasim Mansur²
Harifah Mohd. Noor³
Nabila Farysha Dering⁴

¹Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS), Universiti Malaysia Sabah
(E-mel: jabil@ums.edu.my)

²Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Universiti Malaysia Sabah
(E-mel: kmansur@ums.edu.my)

³Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah
(E-mel: harifah@ums.edu.my)

⁴Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah
(E-mel: nabilafarysha97@gmail.com)

Article history

Received date : 2-12-2021
Revised date : 2-12-2021
Accepted date : 6-1-2022
Published date : 7-1-2022

To cite this document:

Mapjabil, J., Mansur, K., Mohd. Noor, H., & Dering, N. F. (2021). Hubung Kait Kesanggupan Untuk Membayar (WTP) Dan Ruang Keluaran Pelancong di Kota Belud, Sabah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(42), 263 - 276.

Abstrak: Artikel ini bertujuan untuk meneliti tentang hubung kait kesanggupan untuk membayar dan ruang keluaran pelancong di Kota Belud, Sabah. Pendekatan kajian yang digunakan adalah penilaian dan kajian kes. Kajian ini melibatkan penggunaan kaedah kuantitatif melalui tinjauan borang soal selidik terhadap 93 orang responden. Hasil kajian menunjukkan bahawa majoriti status perjalanan pelancong ke destinasi pelancongan di Kota Belud, Sabah adalah ditetapkan secara persendirian iaitu 57 orang responden (61.3%). Manakala status perjalanan ke destinasi pelancongan yang ditetapkan oleh organisasi atau institusi pula adalah seramai 33 orang (35.4%) dan yang ditetapkan oleh pakej pelancongan seramai 3 orang responden (3.2%). Seramai 48 responden (41.6%) menyatakan bahawa harga yuran masuk ke destinasi pelancongan adalah tidak mempengaruhi keputusan mereka untuk menentukan destinasi pelancongan yang mereka kunjungi. Seterusnya, kriteria utama yang diambil kira oleh pelancong untuk memilih destinasi pelancongan adalah memilih destinasi yang belum pernah mereka kunjungi iaitu seramai 34 orang (36.6%).

Kata kunci: Kesanggupan untuk Membayar, Ruang Keluaran Pelancong, Status Perjalanan

Abstract: *This article aims to examine the relationship between willingness to pay and tourist space in Kota Belud, Sabah. The research approach used was evaluation and case study. This study involves the use of quantitative method through a survey of questionnaires on 93 respondents. The results showed that the majority of tourist travel status to tourist destinations in Kota Belud, Sabah is set privately, namely 57 respondents (61.3%). While the travel status to tourist destinations set by the organization or institution is a total of 33 people (35.4%) and set by the travel package as many as 3 respondents (3.2%). A total of 48 respondents (41.6%) stated that the price of the entrance fee to a tourist destination did not influence their decision to determine the tourist destination they visited. Next, the main criteria taken into account by tourists to choose a tourist destination is to choose a destination that they have never visited, which is a total of 34 people (36.6%). The results of this study are important to increase the awareness of tourists on the need for the concept of willingness to pay to the tourist destinations visited.*

Keywords: *Willingness to Pay, Tourists Circuit, Travel Status*

Pengenalan

Kesanggupan untuk membayar didefinisikan sebagai harga maksimum yang dikeluarkan oleh seseorang untuk membeli suatu barangan atau perkhidmatan (Zhao & Kling, 2007). Kesanggupan untuk membayar oleh seseorang adalah faktor penting dalam menentukan harga terbaik untuk dibayar terhadap sesuatu produk atau perkhidmatan. Kesanggupan untuk membayar oleh seseorang adalah berbeza-beza berdasarkan beberapa pemboleh ubah. (Namkung & Jang, 2017). Sebagai contohnya, pemboleh ubah yang terdapat dalam profil sosioekonomi seseorang seperti tingkat pendapatan dan pekerjaan. Dalam pelancongan, kesanggupan untuk membayar ini dilihat dapat mempengaruhi ruang keliaran seseorang pelancong itu. Hal ini disebabkan kerana setiap destinasi pelancongan adalah mengenakan jenis dan nilai bayaran yang berbeza. Selain itu, tarikan dan aktiviti yang disediakan adalah berbeza mengikut destinasi pelancongan yang ingin dilawati. Untuk itu, kajian ini meneliti dan menilai perkaitan kesanggupan untuk membayar dengan ruang keliaran pelancong serta perkaitan kadar bayaran yuran dalam mempengaruhi hala tuju perjalanan pelancong dan kriteria utama yang diambil kira oleh responden dalam memilih destinasi pelancongan.

Tinjauan Literatur

Kesanggupan untuk Membayar dalam Pelancongan

Kajian berkaitan dengan kesanggupan untuk membayar telah dijalankan di Lembah Kalam Khyber Pakhtunkhwa, Pakistan. Lembah Kalam adalah merupakan salah satu destinasi pelancongan yang terkenal di Pakistan kerana kepelbagaian biodiversitinya. Namun, kawasan pelancongan ini masih belum dibangunkan dari segi kemudahan infrastruktur, kemudahan maklumat kepada pelancong, telekomunikasi, sistem pengangkutan dan penginapan yang selesa untuk pelancong. Oleh itu, kajian ini adalah bertujuan untuk menganggarkan kesanggupan pelancong untuk membayar bagi pembangunan dan pemuliharaan biodiversiti. Hasil kajian menunjukkan bahawa 98% daripada pelancong yang datang adalah sanggup membayar bagi tujuan pemuliharaan di kawasan tersebut. Selain itu, sebanyak 37% pelancong adalah sanggup membayar Rs.100 (0.94 US\$) yuran masuk bagi setiap kunjungan mereka. Analisis regresi menunjukkan bahawa 421 juta Rupee (3.97 juta US\$) boleh dijana bagi tujuan pemuliharaan dan pembangunan biodiversiti di Lembah Kalam (Sanauallah et al., 2020).

Aseras dan Sira (2020) telah menjalankan kajian berkaitan dengan kesanggupan untuk membayar di Taman Negara Pergunungan Bale (BMNP), Ethiopia. Kajian ini adalah dijalankan untuk mengetahui kesanggupan pelancong untuk membayar dalam pemuliharaan kawasan perlindungan di Ethiopia. Pada masa kini, banyak kawasan perlindungan telah diwujudkan bertujuan untuk memulihara dan memelihara spesies hidupan liar dan mengekalkan keseimbangan ekologi persekitaran. Negara membangun seperti Ethiopia adalah berhadapan dengan kekurangan dana untuk pembiayaan pemuliharaan dan pemuliharaan biodiversitinya. Oleh itu, pendekatan seperti mewujudkan destinasi ekopelancongan telah digunakan bagi membolehkan kawasan pemuliharaan dapat dibangunkan dengan adanya kedatangan pelancong. Hasil kajian menunjukkan bahawa 75% pelancong sanggup membayar bagi tujuan pemuliharaan. Dianggarkan bahawa purata yang sanggup dibayar oleh pelancong asing adalah sebanyak AS\$7.40 dan US\$1.00 untuk pelancong domestik.

Adetola dan Adedire (2018) mengkaji berkaitan dengan motivasi dan kesanggupan pengunjung untuk membayar bagi pemuliharaan zoo terpilih barat daya Nigeria iaitu Zoo Universiti Ibadan dan Zoo Obafemi Awolowo. Dapatan kajian menunjukkan bahawa 50.4% pengunjung adalah terdiri daripada pelancong wanita dan 37.9% daripadanya adalah berumur dalam lingkungan 15 sehingga 24 tahun. 46.7% daripadanya telah berkahwin. 66.2% pelawat yang datang ke zoo tersebut adalah mempunyai pekerjaan yang tetap dengan pendapatan sebanyak N81, 000 (265.57 USD) sebulan. Motivasi utama pengunjung yang datang ke zoo tersebut adalah untuk melihat keadaan habitat dan kepelbagaian hidupan liar di zoo. Hasil kajian awal ke atas pengunjung yang datang ke zoo tersebut menunjukkan mereka sanggup untuk membayar bagi tujuan pemuliharaan.

Di Malaysia, Hassin et al. (2021) mengkaji berkaitan dengan kesanggupan pelancong untuk membayar bayaran yuran masuk di Taman Negeri Gunung Stong, Kelantan. Dalam kajian ini, sebanyak 150 responden yang pernah berkunjung ke Taman Negeri Gunung Stong telah terlibat dalam kajian ini. Teknik persampelan yang digunakan dalam kajian ini adalah pendekatan persampelan berstrata. Dalam kajian ini, kaedah penilaian kontigen telah digunakan untuk mendapatkan nilai min kesanggupan pelancong untuk membayar. Hasil kajian menunjukkan bahawa kesanggupan pelancong untuk membayar bagi yuran masuk tambahan ketika memasuki Taman Negeri Gunung Stong dianggarkan adalah berjumlah RM 5.03 bagi setiap lawatan. Dalam kajian ini, dapat dilihat bahawa profil sosioekonomi iaitu pendapatan adalah mempengaruhi kesanggupan pelancong untuk membayar.

Nurin et al. (2021) turut menjalankan kajian kesanggupan untuk membayar bagi yuran pemuliharaan di Taman EkoHutan Puncak Janing, Kedah. Puncak Janing adalah merupakan salah satu Taman EkoHutan yang banyak dikunjungi oleh pengunjung tempatan terutamanya pada musim cuti. Taman ini dianggap sebagai kawasan perlindungan dan pemuliharaan ekologi pada masa hadapan. Dalam hal ini, pengunjung yang datang sekaligus untuk pemuliharaan taman ini melalui pembayaran yuran. Dalam kajian ini, seramai 300 orang pengunjung telah terlibat dan dipilih secara rawak. Hasil kajian melalui analisis penilaian kontijen menunjukkan bahawa purata yang sanggup dibayar oleh setiap pengunjung adalah RM18.53 setahun.

Musa et al. (2021) pula meneliti tentang pengetahuan dan persepsi pelancong berkenaan isu biodiversiti dan menganggarkan kesanggupan untuk membayar bagi tujuan pemuliharaan biodiversiti di Taman Negara Kinabalu. Sebanyak 250 borang soal selidik telah diedarkan kepada pelancong tempatan dan pelancong antarabangsa. Hasil kajian menunjukkan bahawa

lebih separuh daripada responden adalah sanggup membayar bagi tujuan pemuliharaan biodiversiti. Pelancong tempatan adalah sanggup membayar RM5 seorang manakala pelancong antarabangsa pula sanggup membayar RM84.05 seorang. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pelancongan adalah sangat signifikan dengan sikap dan keutamaan terhadap pemuliharaan biodiversiti.

Ruang Keliaran Pelancong


Ruang keliaran pelancong didefinisikan sebagai laluan yang melibatkan sekurang-kurangnya tiga destinasi pelancongan utama. Destinasi pelancongan ini boleh terletak di kampung, pekan atau bandar yang berlainan (Dam, 2016). Selain itu, ruang keliaran pelancong turut dipengaruhi oleh tempoh penginapan yang singkat di setiap destinasi dalam ruang keliaran, jadual perjalanan yang telah dirancang dan pengelasan tarikan pelancongan yang terdapat di sesebuah destinasi pelancongan (Chowdhury, 2011). Fasa dalam pembangunan ruang keliaran pelancongan adalah melibatkan pengenalpastian laluan destinasi berdasarkan target pasaran, kepentingan destinasi tersebut, audit produk pelancongan, penelitian aset pelancongan serta ciri jualan unik yang terdapat di sesebuah destinasi tersebut (Lourens, 2007). Aktiviti pelancongan merupakan salah satu komponen penting dalam perancangan laluan ruang keliaran kerana ia boleh mempengaruhi pilihan pelancong yang datang ke destinasi berkenaan (Hasuikie et al., 2013).

Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian berkaitan dengan kadar bayaran dan kesanggupan untuk membayar ini adalah tinjauan dan kajian kes. Menurut Krusenvik (2016), reka bentuk kajian kes boleh digunakan dalam kajian deskriptif dan kajian empirikal. Reka bentuk kajian kes digunakan dalam kajian deskriptif adalah bertujuan untuk memerhatikan isu yang ingin dikaji dan menerangkan situasi yang ingin dikaji. Dalam kajian ini, pengkaji ingin menilai dan meneliti perkaitan kesanggupan untuk membayar dengan ruang keliaran pelancong serta perkaitan kadar bayaran yuran dalam mempengaruhi hala tuju perjalanan pelancong dan kriteria utama yang diambil kira oleh responden dalam memilih destinasi pelancongan. Kajian ini adalah melibatkan 93 orang responden sahaja. Jumlah ini dipilih bagi tujuan kajian awal yang berkaitan dengan kesanggupan untuk membayar di kawasan kajian.

Kawasan Kajian

Kawasan kajian terletak di daerah Kota Belud, Sabah. Kota Belud merupakan daerah yang terletak di bahagian Pantai Barat, Sabah. Jarak daerah ini ke Kota Kinabalu adalah sekitar 70-kilometer ataupun bersamaan dengan satu jam setengah perjalanan dengan menggunakan kereta. Daerah ini mempunyai beberapa kampung seperti Kampung Rampayan, Kampung Siasai, Kampung Sembirai, Kampung Pirasan, Kampung Kulambai dan Kampung Kelawat. Antara destinasi pelancongan yang dikaji di daerah Kota Belud adalah Polumpung Melangkap View Campsite (PMVC), Cabana Retreat, Melangkap Nabalu Rafflesia, Tambatuon Homestead, Ekopelancongan Melangkap Tiong, Aura Raudhah Village Beach dan Nahandang Melangkap Homestay and Campsite (Rajah 1). Kota Belud dipilih sebagai lokasi kajian kerana daerah ini merupakan kawasan luar bandar yang mempunyai banyak destinasi dan tarikan pelancongan yang boleh menarik minat pelancong untuk datang. Oleh itu, pengkaji ingin meneliti kesanggupan pelancong untuk membayar apabila berkunjung ke destinasi pelancongan terpilih di lokasi kajian dan pola ruang keliaran mereka. Selain itu, Kota Belud dipilih kerana kajian berkaitan dengan kesanggupan untuk membayar belum pernah dikaji di kawasan ini.



Rajah 1: Lokasi Destinasi Pelancongan yang Dikaji di Kota Belud, Sabah.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Perkaitan Kesanggupan Membayar dan Ruang Keliaran Pelancong

Status Perjalanan Responden ke Destinasi Pelancongan

Berdasarkan Jadual 1, status perjalanan responden ke destinasi pelancongan yang dikaji terbahagi kepada tiga kategori yang berbeza. Majoriti status perjalanan responden ke destinasi pelancongan ini adalah ditetapkan secara persendirian iaitu 57 orang responden (61.3%). Seterusnya, status perjalanan ke destinasi pelancongan yang ditetapkan oleh organisasi atau institusi adalah seramai 33 orang (35.4%) manakala status perjalanan yang ditentukan oleh pakej pelancongan adalah seramai 3 orang (3.2%).

Jadual 1: Status Perjalanan Responden

Status Perjalanan	Jumlah (orang)	Peratus (%)
Perjalanan ditetapkan dalam pakej pelancongan	3	3.2
Perjalanan ditetapkan oleh organisasi (universiti, sekolah, jabatan)	33	35.4
Perjalanan ditetapkan secara bersendirian	57	61.3
Jumlah	93	100

Perkaitan Kadar Bayaran dan Hala Tuju Perjalanan Responden

Jadual 2 menunjukkan perkaitan kadar bayaran dalam mempengaruhi penentuan lokasi yang dikunjungi oleh responden di kawasan destinasi pelancongan. Hasil kajian menunjukkan seramai 45 orang responden (48.4 %) menyatakan bahawa kadar bayaran yuran menentukan lokasi destinasi pelancongan yang mereka hendak dikunjungi. Namun begitu, seramai 48 orang responden (41.6%) pula berpendapat bahawa kadar bayaran yuran tidak mempengaruhi pergerakan mereka ke satu-satu destinasi pelancongan.

Jadual 2: Kadar Bayaran Yuran Mempengaruhi Hala Tuju Perjalanan Responden

Pemboleh Ubah	Bilangan (orang)	Peratus (%)
Ya	45	48.4
Tidak	48	41.6

Kriteria Utama yang Diambil Kira oleh Responden dalam Memilih Destinasi Pelancongan

Terdapat lima kriteria yang diteliti dalam menentukan keutamaan responden dalam memilih destinasi pelancongan yang hendak dikunjungi. Hasil kajian menunjukkan seramai 30 orang responden (32.3%) memilih untuk mengunjungi destinasi pelancongan adalah disebabkan oleh kadar bayaran yuran masuk yang dikenakan. Seterusnya, seramai 34 orang responden (36.6%) memilih destinasi pelancongan yang belum pernah dikunjungi sebagai kriteria dalam pemilihan destinasi pelancongan. Selain itu, seramai 15 orang responden (16.1) adalah memilih destinasi pelancongan yang tular (viral) di media sosial sebagai kriteria utama yang dipilih untuk berkunjung ke satu-satu destinasi. Selain itu, seramai 11 orang responden (11.8%) menyatakan destinasi pelancongan yang dipilih adalah berdasarkan keputusan yang telah ditetapkan oleh organisasi/penganjur manakala seramai 3 orang responden (3.2%) pula menyatakan bahawa rancangan berkunjung secara spontan oleh keluarga dan rakan adalah kriteria utama yang diambil.

Jadual 3: Kriteria Utama yang Diambil kira dalam Memilih Destinasi Pelancongan

Kriteria	Bilangan (org)	Peratus (%)
Destinasi pelancongan yang belum pernah dikunjungi	34	36.6
Destinasi pelancongan yang tular (<i>viral</i>) dalam media sosial	15	16.1
Kadar bayaran masuk yang dikenakan	30	32.3
Rancangan berkunjung secara spontan oleh keluarga dan rakan	3	3.2
Atas keputusan yang telah ditetapkan oleh organisasi/penganjur	11	11.8


Perjalanan Responden yang Ditentukan oleh Pakej Pelancongan

Dapatan kajian ini menjelaskan tentang perjalanan responden yang ditentukan oleh pakej pelancongan. Dalam bahagian ini, perjalanan responden diteliti dari tiga mode iaitu lokasi sebelum yang merujuk kepada lokasi responden sebelum tiba di lokasi semasa menjalankan soal selidik bersama pengkaji. Seterusnya, lokasi semasa adalah lokasi sewaktu berjumpa

dengan pengkaji di destinasi pelancongan dan lokasi selepas adalah lokasi seterusnya yang hendak dikunjungi oleh pelancong. Berdasarkan 93 orang responden yang ditemu bual, seramai 3 orang responden adalah menggunakan perkhidmatan pakej pelancongan ketika berkunjung ke Kota Belud, Sabah. Ketika kajian ini dijalankan, seramai 2 orang responden berada di Aura Raudhah Village and Beach manakala seorang lagi berada di Polumpung Melangkap View Campsite. Ruang keliaran responden adalah dipaparkan dalam Rajah 2 dan Jadual 4.

Jadual 4: Ruang Keliaran Pelancong yang Ditentukan oleh Pakej Pelancongan

Responden	Lokasi		
	Sebelum	Semasa	Selepas
1	Kota Kinabalu	Aura Raudah Village and Beach	Ekopelancongan Melangkap Tiong
2	Kota Kinabalu	Aura Raudah Village and Beach	Ekopelancongan Melangkap Tiong
3	Kundasang	Polumpung Melangkap View Campsite	Pekan Kota Belud



Rajah 2: Ruang Keliaran Pelancong yang Ditentukan oleh Pakej Pelancongan

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa ruang keliaran pelancong yang ditentukan oleh pakej pelancongan hanya tertumpu kepada beberapa tempat sahaja. Hal ini mungkin kerana hanya beberapa destinasi pelancongan sahaja yang termasuk dalam pakej yang ditawarkan oleh agensi pelancongan. Dalam hal ini, dapat dilihat bahawa pakej yang ditawarkan dapat memberi kesan kepada ruang keliaran seseorang pelancong itu. Menurut Rosniza et al., (2012), persepsi awal pengguna adalah memainkan peranan penting untuk membuat keputusan dalam pemilihan sesuatu barangan ataupun perkhidmatan. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa pemilihan pakej pelancongan yang ditawarkan oleh agensi pelancongan adalah berdasarkan persepsi awal pelancong.


Perjalanan Responden yang Ditentukan oleh Organisasi atau Institusi

Dapatan kajian ini menjelaskan perjalanan responden yang ditentukan oleh organisasi atau institusi. Dalam bahagian ini, perjalanan responden diteliti dari tiga mode lokasi iaitu lokasi sebelum yang merujuk kepada lokasi responden sebelum tiba di lokasi semasa menjalankan soal selidik bersama pengkaji. Seterusnya, lokasi semasa adalah lokasi sewaktu berjumpa dengan pengkaji di destinasi pelancongan dan lokasi selepas adalah lokasi seterusnya yang hendak dikunjungi oleh pelancong. Daripada 93 orang responden yang dikaji, seramai 33 orang responden mempunyai perjalanan yang ditentukan oleh organisasi atau institusi.

Jadual 5: Ruang Pergerakan Responden yang Ditentukan oleh Organisasi / Institusi

Responden	Lokasi		
	Sebelum	Semasa	Selepas
4	Pekan Kota Belud	Ekopelancongan Melangkap Tiong	Polumpung Melangkap View Campsite
5	Pekan Kota Belud	Ekopelancongan Melangkap Tiong	Polumpung Melangkap View Campsite
6	Kota Marudu	Ekopelancongan Melangkap Tiong	Polumpung Melangkap View Campsite
7	Kota Marudu	Melangkap Nabalu Rafflesia	Kota Kinabalu
8	Kota Marudu	Melangkap Nabalu Rafflesia	Tambatuon Homestead
9	Kota Marudu	Melangkap Nabalu Rafflesia	Kota Kinabalu
10	Kota Marudu	Melangkap Nabalu Rafflesia	Kota Kinabalu
11	Kota Marudu	Melangkap Nabalu Rafflesia	Kota Kinabalu
12	Kota Marudu	Melangkap Nabalu Rafflesia	Kota Kinabalu
13	Pekan Kota Belud	Melangkap Nabalu Rafflesia	Kota Kinabalu
14	Kota Marudu	Melangkap Nabalu Rafflesia	Tambatuon Homestead
15	Kota Marudu	Melangkap Nabalu Rafflesia	Kota Kinabalu
16	Kota Marudu	Cabana Retreat	Tambatuon Homestead
17	Tambatuon Homestead	Aura Raudhah Villange and Beach	Kota Kinabalu
18	Kota Marudu	Polumpung Melangkap View Campsite	Kota Kinabalu

Responden	Lokasi		
	Sebelum	Semasa	Selepas
19	Kota Marudu	Polumpung Melangkap View Campsite	Pekan Kota Belud
20	Kota Marudu	Polumpung Melangkap View Campsite	Tambatuon Homestead
21	Kota Marudu	Polumpung Melangkap View Campsite	Kota Kinabalu
22	Kota Marudu	Tambatuon Homestead	Kota Kinabalu
23	Kota Marudu	Tambatuon Homestead	Kota Kinabalu
24	Kota Marudu	Tambatuon Homestead	Kota Kinabalu
25	Kota Marudu	Tambatuon Homestead	Kota Kinabalu
26	Kota Kinabalu	Tambatuon Homestead	Kota Kinabalu
27	Kota Marudu	Tambatuon Homestead	Kota Kinabalu
28	Kota Marudu	Tambatuon Homestead	Kota Kinabalu
29	Kota Marudu	Tambatuon Homestead	Kota Kinabalu
30	Kota Marudu	Tambatuon Homestead	Kota Kinabalu
31	Kota Marudu	Tambatuon Homestead	Kota Kinabalu
32	Kota Marudu	Tambatuon Homestead	Kota Kinabalu
33	Kota Marudu	Tambatuon Homestead	Kota Kinabalu
34	Pekan Kota Belud	Tambatuon Homestead	Kota Kinabalu
35	Pekan Kota Belud	Tambatuon Homestead	Polumpung Melangkap View Campsite
36	Kota Marudu	Tambatuon Homestead	Kota Kinabalu



Rajah 3: Ruang Keluaran Pelancong yang Ditentukan oleh Organisasi / Institusi

Jadual 5 menunjukkan bahawa kebanyakan responden yang perjalanannya ditentukan oleh organisasi atau institusi adalah merupakan golongan pelajar. Berdasarkan pemerhatian dan soal selidik yang telah dijalankan, seramai 19 orang responden adalah terdiri daripada pelajar yang datang secara berkumpulan.

Perjalanan Responden yang Ditentukan Secara Persendirian


Dapatan kajian ini menjelaskan perjalanan responden yang ditentukan secara persendirian. Dalam bahagian ini, perjalanan responden turut diteliti dari tiga mode lokasi iaitu lokasi sebelum yang merujuk kepada lokasi responden sebelum tiba di lokasi semasa menjalankan soal selidik bersama pengkaji. Seterusnya, lokasi semasa iaitu lokasi sewaktu berjumpa dengan pengkaji di destinasi pelancongan dan lokasi selepas iaitu lokasi seterusnya yang hendak dikunjungi. Berdasarkan kajian, seramai 57 orang responden adalah menguruskan perjalanan ke sini secara persendirian.

Jadual 6: Ruang Pergerakan Responden yang Ditentukan Secara Persendirian

Responden	Lokasi		
	Sebelum	Semasa	Selepas
37	Kota Kinabalu	Polumpung Melangkap View Campsite	Kota Kinabalu
38	Rumah Terbalik (Tamparuli)	Polumpung Melangkap View Campsite	Kota Kinabalu
39	Kota Kinabalu	Polumpung Melangkap View Campsite	Kota Kinabalu
40	Labuan	Polumpung Melangkap View Campsite	Tambatuon Homestead
41	Kota Belud (Rumah)	Polumpung Melangkap View Campsite	Pekan Kota Belud
42	Kundasang	Polumpung Melangkap View Campsite	Kota Kinabalu
43	Kota Kinabalu	Polumpung Melangkap View Campsite	Ekopelancongan Melangkap Tiong
44	Pekan Kota Belud	Polumpung Melangkap View Campsite	Kota Kinabalu
45	Kota Belud	Polumpung Melangkap View Campsite	Kota Marudu
46	Kota Belud	Polumpung Melangkap View Campsite	Pekan Kota Belud
47	Kota Belud	Polumpung Melangkap View Campsite	Pekan Kota Belud
48	Kota Kinabalu	Polumpung Melangkap View Campsite	Pekan Kota Belud
49	Kota Kinabalu	Polumpung Melangkap View Campsite	Tambatuon Homestead
50	Kota Kinabalu	Polumpung Melangkap View Campsite	Kota Kinabalu

Responden	Lokasi		
	Sebelum	Semasa	Selepas
51	Pekan Kota Belud	Polumpung Melangkap View Campsite	Pekan Kota Belud
52	Pekan Kota Belud	Polumpung Melangkap View Campsite	Pekan Kota Belud
53	Pekan Kota Belud	Polumpung Melangkap View Campsite	Pekan Kota Belud
54	Kota Kinabalu	Polumpung Melangkap View Campsite	Kota Kinabalu
55	Pekan Kota Belud	Cabana Retreat	Pekan Kota Belud
56	Pekan Kota Belud	Cabana Retreat	Peak of Hope (Tuaran)
57	Pekan Kota Belud	Cabana Retreat	Polumpung Melangkap View Campsite
58	Kota Belud (Rumah)	Cabana Retreat	Tuaran
59	Kota Kinabalu	Cabana Retreat	Kota Kinabalu
60	Kota Belud (Rumah)	Cabana Retreat	Kg. Sangkir (Kota Belud)
61	Kota Belud (Rumah)	Cabana Retreat	Pekan Kota Belud
62	Kota Kinabalu	Cabana Retreat	Peak of Hope (Tuaran)
63	Kota Kinabalu	Cabana Retreat	Peak of Hope (Tuaran)
64	Kota Kinabalu	Cabana Retreat	Peak of Hope (Tuaran)
65	Kota Kinabalu	Cabana Retreat	Polumpung Melangkap View Campsite
66	Kota Kinabalu	Cabana Retreat	Peak of Hope (Tuaran)
67	Bundu Tuhan	Cabana Retreat	Polumpung Melangkap View Campsite
68	Bundu Tuhan	Cabana Retreat	Sandakan
69	Kota Belud (Rumah)	Cabana Retreat	Pekan Kota Belud
70	Pekan Kota Belud	Cabana Retreat	Polumpung Melangkap View Campsite
71	Pekan Kota Belud	Cabana Retreat	Polumpung Melangkap View Campsite
72	Pekan Kota Belud	Cabana Retreat	Polumpung Melangkap View Campsite
73	Kota Kinabalu	Cabana Retreat	Kota Kinabalu

Responden	Lokasi		
	Sebelum	Semasa	Selepas
74	Sepanggar	Ekopelancongan Melangkap Tiong	Polumpung Melangkap View Campsite
75	Pekan Kota Belud	Ekopelancongan Melangkap Tiong	Kota Kinabalu
76	Kota Kinabalu	Melangkap Nabalu Rafflesia	Bundu Tuhan
77	Kundasang	Melangkap Nabalu Rafflesia	Kota Kinabalu
78	Kota Kinabalu	Melangkap Nabalu Rafflesia	Kota Kinabalu
79	Kota Kinabalu	Melangkap Nabalu Rafflesia	Kota Kinabalu
80	Kota Kinabalu	Melangkap Nabalu Rafflesia	Kota Kinabalu
81	Kota Kinabalu	Melangkap Nabalu Rafflesia	Kota Kinabalu
82	Kota Kinabalu	Melangkap Nabalu Rafflesia	Kota Kinabalu
83	Kota Kinabalu	Melangkap Nabalu Rafflesia	Bundu Tuhan
84	Kundasang	Melangkap Nabalu Rafflesia	Pekan Kudat
85	Kota Belud (Rumah)	Nahandang Melangkap Homestay and Campsite	Melangkap Nabalu Rafflesia
86	Kota Belud (Rumah)	Nahandang Melangkap Homestay and Campsite	Melangkap Nabalu Rafflesia
87	Pekan Kota Belud	Tambatuon Homestead	Aura Montaria Edutorism (Kg Sayap)
88	Binombon Waterfall	Tambatuon Homestead	Kota Kinabalu
89	Kota Marudu	Tambatuon Homestead	Kota Kinabalu
90	Kota Marudu	Tambatuon Homestead	Kota Kinabalu
91	Kota Kinabalu	Tambatuon Homestead	Kota Kinabalu
92	Kota Kinabalu	Tambatuon Homestead	Tuaran
93	Polumpung Melangkap View Campsite	Tambatuon Homestead	Kota Kinabalu



Rajah 4: Ruang Keluaran Pelancong yang Ditentukan secara Persendirian

Dapatan kajian menunjukkan bahawa ruang keluaran pelancong yang ditentukan secara bersendirian mempunyai lebih pelbagai berbanding ruang keluaran pelancong yang ditentukan oleh agensi pelancongan dan organisasi ataupun institusi. Hal ini kerana pelancong yang mengunjungi sesuatu destinasi secara bersendirian bebas menentukan ruang perjalanan mereka. Khalilah et al. (2017) menegaskan bahawa laluan antara dua lokasi adalah memainkan peranan penting untuk pelancong memilih ruang keluaran pelancongan mereka. Berdasarkan dapatan kajian, jarak dan laluan antara satu destinasi pelancongan ke satu destinasi pelancongan yang lain adalah pendek. Contohnya seperti dari *Polumpung Melangkap View Campsite* ke *Tembatuon Homestead*. Menurut Hasuikie et al. (2013), faktor jarak relatif melalui ukuran masa adalah penting kerana boleh menentukan tempoh perjalanan dan nilai kepuasan bagi setiap aktiviti yang dilakukan oleh pelancong di sepanjang perjalanan mereka. Pelancong lazimnya cenderung untuk memilih laluan terpendek kerana pengunjung boleh sampai ke destinasi berkenaan dalam tempoh masa yang lebih singkat agar mereka mempunyai lebih banyak masa untuk menikmati percutian mereka di destinasi yang dimaksudkan (Hashim et al., 2013).

Kesimpulan

Kesimpulannya, dalam kajian ini dapat dilihat bahawa kesanggupan untuk membayar adalah berkaitan dengan ruang keluaran seseorang pelancong ketika melancong di sesebuah destinasi pelancongan. Dalam kajian ini, terdapat tiga jenis pengurusan kunjungan pelancong ketika berkunjung ke destinasi pelancongan di Kota Belud, Sabah iaitu diurus melalui pakej pelancongan, diurus oleh organisasi atau institusi dan diuruskan secara persendirian. Dalam kajian ini dapat dilihat bahawa kebanyakan pelancong yang datang ke Kota Belud adalah menguruskan kunjungan mereka secara persendirian.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Universiti Malaysia Sabah kerana membiayai kajian ini di bawah Geran Penyelidikan Skim Dana NIC (SDN), 2019 bertajuk “Pola Tingkah Laku dan Pemetaan Ruang Keluaran Pelancong Berdasarkan Faktor Kuasa Beli dan Kesanggupan Membayar di Destinasi Pelancongan Terpilih di Negeri Sabah”. Kod geran SDN 0033-2019.

Rujukan

- Adetola, B. O., & Adedire, O. P. (2018). Visitors' motivation and willingness to pay for conservation in selected zoos in Southwest Nigeria. *Journal of Applied Sciences and Environmental Management*, 22(4), 531-537.
- Chowdhury, A. I. (2011). Promotion of circuit tourism: The global perspective and lessons for Bangladesh in the light of Asian experience. University of Dhaka.
- Dam, S. (2016). Tourism circuit development in peripheral destinations: Case of Tripura, India. *Atna-Journal of Tourism Studies*, 11(2), 1-15.
- Hashim, Z., Ismail, W. R., & Ahmad, N. (2013, April). Determination of optimal self-drive tourism route using the orienteering problem method. In AIP Conference Proceedings. (Vol. 1522, No. 1, pp. 1420-1430). American Institute of Physics.
- Hassin, N. H., Jais, D. A., Abas, M. A., Hamzah, Z., Noor, A. M., Hussin, H., & Dauda, S. A. (2021). Local visitors' willingness to pay of entrance fee at Taman Negeri Gunung Stong, Kelantan. In IOP Conference Series: Earth and Environmental Science. Vol. 842.
- Hasuike, T., Katagiri, H., Tsubaki, H., & Tsuda, H. (2013). Tour planning for sightseeing with time-dependent satisfactions of activities and traveling times. *American Journal of Operations Research*, 3(3), 369-379.
- Khalilah Zakariya, Nur Amirah Abdul Wahab, Izawati Tukiman & Roziha Che Haron. (2017). Landscape character for tourism route planning: A case study of the Kuala Selangor Sabak Bernam route. *Kedah Statement of Review*, 58.
- Krusenvik, L. (2016). Using case studies as a scientific method: Advantages and disadvantages. School of Business, Engineering and Science. Halmstad University.
- Lourens, M. (2007). Route tourism: a roadmap for successful destinations and local economic development. *Development Southern Africa*, 24(3), 475-490.
- Musa, F., Nasir, N. A., Jaunis, O., & Hamdan, D. M. (2021). Exploring Tourists' Knowledge, Perceptions and Willingness to Pay on Biodiversity Conservation: Insights from Kinabalu Park, Borneo. In IOP Conference Series: Earth and Environmental Science. Vol. 736, No. 1. IOP Publishing.
- Namkung, Y. & Jang, S. (2017). Are consumers willing to pay more (WTPM) for green at restaurants? *J. Hosp. Tour. Res.*, 41, 329-356
- Nurin Fadhlil, M. H., Matthew, N. K., & Shuib, A. (2021). Visitors' willingness to pay for entrance fee at Puncak Janing Forest Eco-Park, Kedah, Malaysia. *Journal of Tropical Forest Science*, 33(1), 49-57.
- Rosniza Aznie, C. R., Ahmad, M. M., Abdul Rahim, M. N., Rosmiza, M. Z., Novel, L., & Mohd Azlan, A. (2012). Persepsi pelancong terhadap agensi pelancongan di Langkawi Geopark. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 8(7), 147-154.
- Sanaullah, F., Rabbi, S. A., Khan, Z., & Zamin, M. (2020). Visitors' willingness to pay for conservation of the biodiversity and tourism in Kalam valley of Khyber Pakhtunkhwa, Pakistan. *Sarhad Journal of Agriculture*, 36(1), 81-94.
- Zhao, J. & Kling, C. L. (2007). Willingness to pay, compensating variation and the cost of commitment. *Economic Inquiry*, 42(3), 503-517.